

# TPP cipta lebih banyak peluang pekerjaan

**BANGI** - Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) bukan hanya membuka lebih banyak peluang perdagangan, sebaliknya turut mencipta peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Ketua Kluster Ekonomi dan Pengurusan Majlis Profesor Negara, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali berkata, perkara itu akan terjadi susulan rangsangan ekonomi melalui pasaran terbuka yang dilakukan bersama negara-negara terlibat.

"Apabila perdagangan meningkat, pengeluaran meningkat lazimnya akan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan. Ada yang melihat terdapat

pertumbuhan (ekonomi) yang tidak mencipta pekerjaan, tetapi itu perkara terpicil kerana rata-ratanya pertumbuhan ekonomi akan membawa kepada peningkatan peluang pekerjaan," katanya pada sidang media, semalam.

Noor Azlan berpendapat kenyataan rakyat akan hilang pekerjaan sebaik kerajaan menandatangani TPP adalah tidak tepat.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, negara sudah berada dalam landasan ekonomi berinovasi dan sememangnya tidak lagi bergantung pada industri buruh.

"Ramai berpendapat apabila firma meningkatkan daya saing mereka maka semuanya akan dibuat secara automatik yang mana membayangkan kilang-kilang guna mesin, dan tidak ada lagi tenaga buruh.

"Perkara itu memang sedang berlaku sebelum kerajaan tanda tangani TPP lagi, jadi apa yang perlu kita buat adalah tingkatkan kemahiran pekerja supaya semua orang bergerak dengan transformasi," katanya.

Mengulas mengenai kebimbangan rakyat terhadap peningkatan harga barang, Noor Azlan berkata, perkara itu tidak diterjadi dengan hanya kepada satu faktor sahaja.

"Saya tidak nampak TPP satu faktor mutlak kepada pergerakan harga barang naik atau turun. Perlu faham hubungan ekonomi ini bukan mutlak ada banyak perkara yang mempengaruhinya.

"Pergerakan ekonomi sesebuah negara yang menjadi penentu kepada gerakan harga akan berlaku," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan dengan pasaran terbuka yang diamalkan TPP, maka harga barang akan turun.

Katanya, dengan keterbukaan pasaran akan bawa lebih banyak interaksi dalam pasaran yang mana

membawa lebih banyak bekalan dan pilihan buat rakyat.

Dalam perkembangan sama, beliau turut teruja dengan kemahiran Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berunding dalam TPP.

"Saya perlu beri penghormatan kepada Datuk Seri Mustapa di atas ketegasan beliau berunding dengan memasukkan terma-terma khas sehingga Tabung Haji juga disebut dalam perjanjian itu," katanya.

Turut sama dalam sidang media itu, Fellow Kanan Institut Kajian Malaysia dan Kebangsaan, Prof Madya Sufian Jusoh.